

Bab 3

Latarbelakang Masyarakat Bidayuh

i) Pengenalan

Peranan serta operasi adat sebagai alat kawalan sosial yang efektif dalam sesebuah masyarakat tidak mungkin dapat dinilai dengan lebih tepat jika aspek latarbelakang yang melatari alam kehidupan dipinggirkan. Dengan memahami latarbelakang sesebuah masyarakat baharulah segala bentuk nilai dan falsafah yang didukung dapat diketahui dengan lebih jelas. Ini termasuklah sistem kepercayaan, agama, budaya dan sebagainya yang secara tidak langsung menyumbang kepada pembentukan jati diri serta identiti masyarakatnya. Sistem dan nilai ini membawa kepada satu kesatuan yang berpadu terangkum dalam hukum adat.

Begitu juga dengan orang Bidayuh, jati diri dan identiti masyarakatnya terpancar dalam adat yang diamalkan. Adat pula dijunjung kerana dipercayai menjadi pedoman yang mengekal dan memelihara mereka dalam keadaan harmonis. Kepercayaan ini utuh dalam diri masyarakat kerana adat membentuk sistem nilai dan etika yang berfungsi mengawal dan menentukan tingkahlaku individu atau masyarakat. Adat lahir sebagai elemen kawalan sosial yang sangat efektif kerana adanya keadaan di mana fungsinya sesuai dan diterimakan menurut tuntutan sosial masyarakat yang mempraktikkannya.

Untuk melihat mengapa operasi dan peranan adat begitu dominan dalam kehidupan masyarakat Bidayuh maka tinjauan perlu dilakukan dengan lebih terperinci ke atas beberapa perkara berikut. Antaranya ialah sejarah asal-usul yang melatar kehidupan masyarakat di samping corak serta cara hidup yang diamalkan. Selain itu, struktur organisasi sosial juga penting diperincikan untuk mendapatkan gambaran sejauhmana proses ini menyumbang kepada keutuhan adat dalam amalan kehidupan masyarakat.

ii) Sejarah asal-usul

Dalam melihat peranan serta operasi adat sebagai suatu kawalan sosial penekanan lebih tertumpu kepada aspek lagenda atau mitologi yang melatari kehidupan sosial masyarakat tradisi. Legenda atau mitologi yang tercanai dalam tradisi kehidupan mungkin mempunyai latar dan cerita yang unik menggambarkan ideologi falsafah mencirikan identiti kehidupan sosio-budaya bangsa sesebuah masyarakat. Seperti masyarakat lain, orang Bidayuh juga tidak terkecuali dari memiliki cerita legenda yang memaparkan mitologi sejarah asal-usul bangsanya. Tergolong sebagai sebuah kelompok etnik pribumi yang hidup dengan amalan tradisi rumah panjang dan menjalankan cara hidup dengan berburu dan pertanian pindah (shifting/swidden cultivation).

Corak kehidupan yang terkongkong dengan amalan nilai sosio-budaya merupakan suatu bentuk manifestasi tradisi akibat daripada saling bergantungan alam kehidupan dengan ekologi persekitaran. Dengan bersandarkan hidup pada hukum alam timbulnya persepsi di mana kehidupan sukar untuk dipisahkan dari pengaruh ekologi alam semulajadi. Akibat daripada pengaruh etika dan moral yang menjadi amalan maka lahirlah pelbagai versi dalam cerita atau lagenda sejarah asal-usul. Merujuk kes masyarakat Bidayuh rentetan cerita terbit dalam bentuk versi yang pelbagai menurut variasi kelompok dialek suku etniknya. Cerita yang ditonjolkan pula bersesuaian dengan latarbelakang tempat, masa dan pegangan nilai kepercayaan yang dipegang oleh pelopornya. Sebagai contoh orang Bukar/Sadong mendakwa mereka adalah generasi “*Meriam Bedup*” yang diperturunkan dari langit. Dalam satu lagi kes (orang mentu Tapuh dan Mentu Pondok) mengatakan keturunannya muncul dari lubang bawah perut bumi. Cerita lagenda atau

mitos yang terbit dalam falsafah hidup dan dipercayai benar-benar wujud ini terpancar dalam suatu bentuk literasi lisan yang disampaikan dari mulut ke mulut generasi demi generasi dan tidak tercatat dalam bentuk tulisan atau dokumen. Sejarah asal-usul orang Bidayuh diperikan dalam bentuknya yang agak tersusun menurut salasilah kronologi hasil penulisan yang dilakukan oleh Dr. John Hewit (Kurator Museum Sarawak 1905-1908) dalam artikelnya yang berjudul “*The First Land Dayak.*” Ia di perincikan lagi dalam “*The Living Legend*” (Sandin 1978: 158-163) dan “*Overview Of The Bidayuh Culture*” (William Nais 1989:368-371) yang mana kedua-dua penulis ini cuba menghuraikannya dalam bentuk ilmiah yang lebih tersusun.

Mitosnya bermula apabila Padat dan Trauh memimpin ekspidisi penghijrah dari Sungkung iaitu sebuah daerah di lembangan Kapuas, Kalimantan ke bahagian barat daya Borneo. Sepanjang destinasi mereka telah singgah di salah sebuah tempat yang bernama Rabak Mikabuh pada 373 sebelum masehi. Selain itu , mereka juga dipercayaai telah singgah ditempat berikut; kaki bukit Penrissen, Tigauh, Perok, Sekap Denda, Papang Sambu, Ateng Misandung, Padawan, Tanjung Abang, Tanjung Kutud dan Tanjung Semadang. Sejarah penghijrahan ini berdasarkan andaian bahawa Padat dan Trauh telah merintis penghijrahan dari Sungkung dan generasinya telah menetap di Rabak Mikabuh lebih daripada dua puluh generasi sebelum meletupnya gunung berapi Krakatau (Sarawak Annal 27, Ogos 1883).

Menurut ceritanya dalam setiap persinggahan ekspidisi Padat dan Trauh serta pengikutnya singgah di sesuatu lokasi untuk beberapa minggu bahkan berbulan untuk mendapatkan bekalan dan pada masa yang sama melakukan upacara ritual untuk

mendapatkan alamat atau petanda sebagai berkat. Akhirnya Rabak Mikabuh dijadikan tapak menetap dan ia juga menjadi saksi bermula konflik antara Padat dan Trauh yang membawa kepada perpecahan dan masing-masing membawa pengikutnya berpindah serta menetap di lokasi lain. Perpecahan ini menyebabkan mereka menetap di merata-rata tempat seperti di Bung Piradom, Bung Bratak, Bung Jagoi, Bung Siburan, Rabak Rutoi, Bung Gading dan sebagainya lagi. Perpecahan ini mewujudkan petempatan yang kekal sehingga ke hari ini.

Selain daripada mitos di atas, asal-usul orang Bidayuh juga ditonjolkan dalam versinya yang agak unik. Menurut ceritanya suatu waktu dahulu tidak ada manusia lain di kepulauan Borneo kecuali Tanabi (Malaikat). Ia dipercayai semangat yang tinggal di kaki gunung Sait dan Baru. Menurut ceritanya dia mempunyai seorang isteri bernama Kitupong (semangat yang menjelma dari puncak gunung Penrissen) tetapi malangnya meninggal sewaktu melahirkan anaknya. Suatu hari berlaku kejadian di mana pergelangan kaki Tanabi membengkak dan apabila matang ia pecah dan tiba-tiba munculnya seorang bayi perempuan. Apabila bayi perempuan itu dewasa Tanabi mengahwininya dan hasil daripada perkongsian hidup itu mereka dikurniakan tiga orang anak yang diberi nama Padat, Trauh dan Timunyau.

Namun peranan Timunyau (anak perempuan Tanabi) tidak ditonjolkan sebaliknya Padat dan Trauh diceritakan telah menetap di kaki bukit Saki Sinyang. Kedua-dua mereka berkahwin dan mempunyai anak lelaki yang mana membawa kepada konflik tragik kematian anak Padat setelah dibunuhi oleh Trauh kerana mencuri tebu. Peristiwa tragik ini berlaku akibat dari percaturan Padat merencanakan tindakan mencuri tebu Trauh

untuk memiliki gong dari orang melayu. Akibat daripada peristiwa itu hubungan mereka menjadi tidak harmonis lalu Padat dan pengikutnya berpindah dan menetap di Sikanyang manakala Trauh pula menetap di Inikabut iaitu suatu tempat bernama Sikarang di hulu sungai Sarawak Kanan.

Anak Trauh iaitu Sikaya diperincikan dalam sifatnya yang agak unik. digambarkan sebagai individu yang rajin mengerjakan ladangnya dan suatu hari berlakunya peristiwa seorang wanita bernama Sekama tiba-tiba muncul dari puncak gunung Penrissen. Sekama diperikan memiliki ilmu dan berkebolehan melakukan upacara ritual penanaman padi lalu diperturunkan kepada Sikaya. Pertemuan yang membawa kepada perkahwinan itu mengumiakan tiga orang anak, malangnya Sikaya telah meninggalkan Sekama dengan bersenaya bersama makhluk/semangat di alam ghaib. Kecewa dengan tindakan Sikaya, sekama kembali ke tempat asalnya puncak gunung Penrissen. Walau bagaimanapun beliau tetap menjaga kebajikan anak-anaknya dengan memberi makanan setiap hari sehingga mereka dewasa. Dari peristiwa ini dapat diketahui lahirnya waris Sikaya dan Sekama mewakili kelompok dialek suku Bena, Biatah, Braang, Puruh, Benguh, Singgai, Bratak, Bibawang, Bikirup dan Pininjau.

Mitologi asal-usul kewujudan sering dikaitkan dengan peristiwa atau simbol yang dijemakan dalam sifat binatang seperti burung. Contohnya kewujudan orang Bidayuh dilambangkan melalui watak burung gagak. Walaupun pada zahirnya Gagak adalah species yang asing dalam masyarakatnya. Mitosnya menarik kerana suatu waktu dahulu berlakunya banjir besar yang menenggelamkan seluruh pelusuk benua. Burung “Nkak” (gagak) seperti yang diceritakan terbang membawa bersamanya sebiji batu kecil (Gravel)

yang diikat pada sanggolnya dari pulau *Jaweh* (Jawa) lalu menjatuhkannya ke dasar lautan (Staal: 1940). Tiba-tiba sahaja terbentuknya dataran tinggi ditengah lautan iaitu Sungkung yang menganjur ke Selatan puncak gunung Penrissen. Cerita legenda ini menunjukkan bahawa berlakunya migrasi penduduk dari pulau Jawa menuju dataran tinggi Sungkung. Mitologi yang melatari asal-usul tamadun bangsanya terbit dari perspektif yang pelbagai bergantung kepada masa, tempat dan ideologi falsafah pelopornya. Jadi tidak hairan ada antara mereka yang mendakwa berasal daripada keturunan Datu Pati, Binatang, ikan malah ada yang taksub mengatakan asal-usulnya daripada semangat atau makhluk halus (Hewitt 1961; Sandin 1978; Nyandoh: Peter Howes 1951). Walau dalam bentuk dan keadaan apa sekalipun asal-usul ini dijelaskan, mitologinya mencirikan konsep yang unik dan kompleks sesuai dengan nilai budaya kehidupan pada zamannya.

Unsur alam seperti binatang dan tumbuhan seringkali digambarkan dalam perwatakan manusia begitu juga manusia digambarkan dalam perwatakan unsur alam; seperti dalam cerita “*Seven Land Dayak Stories*”, “*A Young Princess Who Married A Wild Boar*” dan “*Two Land Dayak Fish Stories*” (Nyandoh 1963:114-131; 1971:325-330; 1954:39-41). Jelas dalam konteks ini, hubungan manusia-alam tidak dapat dipisahkan dari alam mitologi malah ia dipadu dan direncanakan dalam bentuk realiti. Walhal ia sebenarnya sukar untuk diterjemahkan ke dalam konteksnya yang lebih ‘ideal’ ataupun nyata kerana kebenaran dan kepastian sukar untuk dipastikan. Hanya yang pasti ramai beranggapan bahawa asal-usul orang Bidayuh dari Kepulauan Jawa dan telah berhijrah ke Kepulauan Borneo lebih dari seribu tahun yang lampau.

iii) Identiti Etnik

Istilah Dayak Bidayuh sinonimnya merujuk kepada makna sekelompok komuniti individu tanah tinggi, pedalaman atau ulu. Istilah Dayak merupakan gelaran yang diilhamkan oleh koloni Belanda sewaktu zaman penjajahan di wilayah Kalimantan, Indonesia bagi membezakan masyarakat pribumi dengan penduduk muslim. Dalam bahasa Belanda Dayak dieja sebagai '*Dajak*' kerana kosongan 'j' dalam bahasa Belanda mempunyai bunyi 'y' dan bukan seperti bunyi 'g' dalam sebutan biasa. Dalam kes ini istilah Dayak tidak memberikan definisi yang tepat ke atas identiti orang Bidayuh. Staal (1940:56-57) menyatakan ungkapan '*Land Dayak*' yang diilhamkan oleh James Brooke juga tidak begitu jelas kerana istilah '*Darat*' tidak menepati definisi yang tepat. Tambahnya lagi sepatutnya perkataan '*Dyak*' ditulis sebagai "*Dayah*".

Dalam dialek Orang Bidayuh suku-kata '*Bi*' merupakan singkatan kata '*Abi*' yang membawa makna '*dalam*', '*di dalam*' atau '*kandungan*'. Manakala istilah '*Dayah*' membawa maksud tanah tinggi, bukit atau daratan yang mana bentuk topografi ini merujuk kawasan pedalaman dipanggil '*ulu*'. Walau bagaimapun, scolah berlakunya kontradiksi dalam hal ini, yakni suku kata '*Bi*' mendukung maksud '*Dari*' atau '*Asal*'. Oleh itu dalam konteks yang lebih ideal orang Bidayuh dalam menonjolkan identiti mereka membezakan diri daripada bukan kelompoknya dengan merujuk sempadan wilayah, daerah atau nama kampung asal-usulnya. Sekadar perbandingan suku dialek yang berasal dari daerah Serian/Samarahan akan identitikan diri mereka sebagai Dayak Bibukar/Bisadong (merujuk keseluruhan dialek daerah sempadan wilayah) dengan mengelarkan dirinya sebagai Bibunan, Bitapuh,Bitaup, Bitutoi dan sebagainya (merujuk tempat asal/kampung)

apabila berinteraksi sesama suku dialek. Begitu juga dengan kelompok etnik dialek Bidayuh di daerah Penrissen, Padawan dan Kuching identitikan diri mereka Biaatah, Bipuruh, Biannah, Bibengoh. Manakala di daerah Bau dan Lundu mereka mengelarkan diri mereka suku Bijagoi, Bisinggai, Biselako, Bilara, Bipueh dan sebagainya yang merujuk kepada sempadan daerah atau nama tempat asalnya. Berdasar fakta ini maka dalam interaksi serta komunikasi sosial masing-masing akan menonjolkan identiti dengan merujuk kampung atau daerah asal penempatan mereka. Sistem identiti etnik ini hampir mirip dengan amalan yang digunakan oleh masyarakat Iban cuma yang berbezanya komuniti Iban menonjolkan identitinya berdasarkan “sistem sungai” iaitu menggelarkan diri mereka secara kolektif sebagai ‘kami orang Saribas’ atau ‘kami orang Skrang’ atau mengelarkan diri mereka berasaskan nama Tuai (Ketua Kaum) rumah panjangnya.

Siapakah masyarakat Bidayuh dan dari manakah asal-usul bangsanya? Ramai mengatakan orang Bidayuh adalah masyarakat pribumi awal yang mendiami kepulauan Borneo. Namun ia sukar dipastikan kerana tiada fakta atau bukti kukuh yang boleh menyokong hujah ini kerana sejarah membuktikan manusia sudah mendiami kepulauan Borneo lebih 40, 000 tahun yang lampau (Jayl Langgup; 2000:101). Yang pasti mereka adalah etnik pribumi yang mendiami bahagian barat daya Borneo dan di Sarawak hanya terdapat di bahagian pertama, menetap lebih dahulu daripada etnik pribumi lain. Lokasi petempatan mereka tertumpu di kawasan tanah tinggi pedalaman serta lembah-lembah sungai. Orang Bidayuh sesungguhnya merupakan salah satu daripada suku etnik pribumi Dayak yang mendiami kepulauan Borneo amnya dan Sarawak khasnya.

Sesetengah pendapat mengatakan orang Bidayuh berasal dari tanah besar Asia, berkemungkinan dari Siam (Thailand) atau Indo-China atau dari pulau Jawa. Walau apapun teori yang ditimbulkan, yang pastinya persoalan ini sukar diuraikan hingga ke hari ini.

Orang Bidayuh merupakan kelompok etnik yang tergolong ke dalam rumpun “proto -Malay” yang berasal daripada keturunan Mongol-Australoid dan dipercayai berhijrah dari wilayah utara Kemboja atau Yunan (Elam 1937:1). Ini berasaskan kepada variasi bahasa dan budaya yang tidak menunjukkan perbezaan ketara dengan rumpun bangsa lain di kepulauan Melayu. Misalnya bahasa dan sosio-budaya dipengaruhi oleh tamadun Jawa. Buktinya amalan kehidupan tradisi Orang Bidayuh terpengaruh dengan unsur kepercayaan agama Hindu kesan dari zaman pemerintahan Majapahit abad ke-6 sebelum masehi yang pada waktu itu masih mendiami lembangan Kapuas, Kalimantan (Gordon 1949:88-95; Harrisson 1950: 112; Andreissie 1972:105).

Secara umumnya orang Bidayuh adalah masyarakat homogeni dari segi sosial dan budaya. Identiti serta perwatakan tradisinya terpancar melalui rupa paras fizikal susuk tubuh badan yang rendah iaitu dengan purata ketinggian 4'.11" hingga 5'.4" kaki bagi lelaki dan 4'.8 hingga 5' kaki bagi wanita. Memiliki warna kulit sawa matang, berdahi lebar, rahang yang pendek dan bibir yang nipis terutamanya kaum wanita. Dalam pada itu, wanita tradisi menampilkan identiti melalui fesyen penggunaan gelang tembaga (Riyang) yang dipakaikan pada betis serta lengan sehingga setengah penulis barat menganggap wanita Bidayuh menjadi hamba fesyen (slave of fashion) (Morissen; 1953 : 245-246).

Lelaki pula menyimpan rambut panjang yang diikat ke belakang. Malah, bagi golongan muda mereka membuang bulu badan serta mengikir gigi berbentuk geriji dan menebuk telinga untuk tujuan pemakaian anting untuk upacara ritual. Amalan mentatu badan tidak dipraktikkan dalam masyarakat tetapi bagi generasi muda yang telah melalui proses interaksi dan integrasi dengan masyarakat Iban mengadaptasi dan menjadikan ia budaya ikutan. Ringkasnya penampilan serta perwatakan orang Bidayuh tradisi boleh disifatkan sebagai '*dolichocephalic*', '*platyrhine*' atau '*cymotrochus*' (Ellam ; 1937:374).

Orang Bidayuh sering digambarkan sebagai suatu rumpun bangsa yang tinggal menetap dan tidak suka berpindah atau berhijrah ke kawasan lain. Senario sedemikian mungkin bertolak dari ideologi "settle nature" yang meresapi pemikiran masyarakatnya. Ini tidak bermakna tiada sifat '*adventures*' cuma bagi mereka tanah, rumah, ladang, tanaman, buah-buahan, tanah-perkuburan, dan sebagainya mempunyai ikatan kukuh dengan cara kehidupan menetap.

Ini jelas menunjukkan perbezaan yang ketara dengan kelompok etnik masyarakat Iban yang lebih agresif dan suka mengembara menerokai wilayah baru sesuai dengan falsafah " bejalai " seperti yang diperkatakan oleh Freeman (1955) & Kedit (1987). Sebaliknya orang Bidayuh lebih suka hidup bebas dan aman damai sesuai dengan sifat kehidupan tanpa kelas. Sejarah kehidupan lampau membuktikan bahawa mereka menjadi mangsa kekejaman masyarakat Iban dan Melayu sehingga mengurangkan densiti populasi serta memaksa lokasi petempatan tertumpu di kawasan tanah tinggi pedalaman. Hanya setelah James Brooke mengisytiharkan dirinya sebagai Rajah Sarawak (1841) dan mentadbir hampir seluruh kawasan penempatan orang Bidayuh barulah kehidupan mereka

harmoni dan bebas daripada kekejaman masyarakat luar.. James Brooke (1841) sewaktu awal era pentadbirannya melihat orang Bidayuh sebagai;

" It is of The hill Dayaks, However, I would particularly write, for a more wretchedly opressed race is not to be found, or one more deserving the commiseration of the humane. Though industrious, they never reap what they sow; though their country is rich in produce, they are obliged to yeild it all to their oppressors " (Templar, 1953 dalam Jacob 1989:378).

Walaupun mereka menjadi mangsa dan dibelenggu iguan ngeri masa lampau, namun mereka masih kekal menetap di kawasan asal yang diduduki. Digambarkan sebagai masyarakat yang tidak agresif namun berupaya mengawal serta mengekalkan kredibiliti masyarakatnya dalam bentuknya yang kompleks. Sistem bertahan (defensive) serta sifat " peaceful nature " yang diamalkan menjadikan mereka mangsa keganasan masyarakat lain. Namun gambaran ini secara tidak langsung memperlihatkan sifat identiti diri (self-identity) yang membezakannya dari masyarakat pribumi lain. Dalam kata lain, sifat identiti etniknya jelas seperti yang diuraikan oleh Keppel yang menulis;

"In character, he (the Land Dayaks), is mild and tractable, hospitable when he is well-use, grateful for kindness shown, industrious, honest, and simple; neither treacherous nor cunning, and so truthful that the word of one of them can safely be taken before the oath of half a dozen, straightforward and correct, and so trustworthy that they rarely attempt, even after a lapse of years, to evade payment of just debt. On the reverse of this picture there is little unfavourable to be said, and the wonder is that they have learned so little deceit and falsehood where the example before them was so rife," (Keppel dalam Sandin 1978:158).

Walau bagaimanapun, Roe dalam laporannya sewaktu menjadi ahli lembaga pengarah sumber Alam di zaman penjajah menyatakan;

"They have often been the victims of the various invasion, and of persecution, and thus have become a timid and retiring people, suspicious of change and progress, and asking little but to be left alone" (Roe 1952:2-3).

Tanggapan ini tidak tepat kerana orang Bidayuh mampu mengadaptasi diri mereka dengan proses transformasi sosio-budaya, ekonomi dan politik yang melatari kehidupan masyarakatnya. Perubahan serta pengaruh modernisme yang meresap ke dalam kehidupan tradisi diterima dan disesuaikan dengan corak tuntutan kehidupan sosial semasa.

Melihat kepada mekanisme bertahan yang diamalkan perubahan atau ancaman dari luar diadaptasi dengan cara diplomasi dalam hubungan tersendiri bagi mengelakkan konflik, selain kebolehan menyesuaikannya dengan situasi membolehkan ia berkembang atau sekurang-kurangnya tidak berkubur. Kenyataan ini mungkin boleh diuraikan dengan melihat ideologi yang tersedia wujud dalam masyarakatnya. Hidup dalam masyarakat *egalitarian* tanpa kelas atau hairaki sosial namun dalam realiti wujudnya sifat degil dalam mempertahankan ketentuan diri (*self determination*). Namun kehidupan tradisi tidak menyaksikan masyarakat ini bergelumbang dengan konsep '*individualistik*' dalam kehidupan masyarakatnya tetapi wujud sentimen kebebasan hak iaitu setiap orang mempunyai hak untuk memutuskan keputusan terbaik dalam menyelesaikan dilema yang dihadapi (Robert 1989:370). Dalam masa yang sama, sifat kebebasan serta keinginan untuk melakukan perubahan menjadikan tuntutan tradisi yang bercanggah atau tidak berupaya memenuhi kepentingan masyarakatnya diterima-pakai sebagai amalan praktis.

Pernyataan ini barangkali belum memadai memperlihatkan betapa ciri dan nilai kehidupan tradisi begitu kuat mengekang perlakuan sosial dari setiap aspek fizikal maupun spiritual. Sehingga satu tahap ada ketikanya lahir dalam pemikiran individu bahawa setiap tindakan yang dilakukannya harus mempunyai pertalian dengan sistem adat yang di amalkan. Demikian pula sistem adat yang tersedia wujud pula harus berupaya

membawa kesejahteraan kepada individu atau masyarakat keseluruhannya. Fenomena ini menggambarkan bagaimana dalam kehidupan masyarakat tradisi berlakunya penolakan ataukekangan dalam penerimaan unsur baru.

Agama Kristian misalnya tidak diterima dalam bentuk hidup tradisi malah segelintir individu hingga kini yang masih bersekongkol dengan prinsip adat sebaliknya pengaruh serta operasi *adat* menjadi dominan kerana dipercayai sesuai dalam amalan kehidupan. Dilema ini terungkai dalam perbualan yang dirakamkan oleh Peter Hose antara lain berbunyi;

"I have not become a Christian because I can't. You see for yourself that our 'adat' (Law) is bound up with our work. Our worship goes with our work. We don't worship unless it has something to do with our work. We don't work unless it has something to do with our worship," (Peter Howes 1960:493).

Meskipun demikian halnya, sifat '*konservertif*' serta '*anarkis*' yang wujud dalam diri individu tidak bermakna berlakunya kekangan dalam penerimaan sistem sosial dalam bentuk baru. Walaupun ada yang masih menganggap masyarakatnya bersifat egalitarian, demokratik dan struktur sosial tanpa kelas, namun tidak wujud kekangan hairaki sosial. Ini bukan bermakna tiadanya tuntutan atau status sosial dalam masyarakat namun wujud suatu himpunan sistem sosial yang kompleks dikawal oleh adat yang mana mencirikan undang-undang moral, kod etika, nilai dan prinsip 'Ying-Yang' berpadu membentuk kesatuan. Ia adalah tatasusila atau undang-undang moral sosial yang mana bukan suatu bentuk ukuran yang sah tetapi sekurang-kurangnya menyajikan kedaulatan dalam diri individu: Orang Bidayuh tergolong ke dalam konteks "*arden individualist*"

iaitu suatu bentuk “proto-individualist” seperti mana dikatakan oleh Ayn Rand iaitu seorang pendukung fahaman “objectivist ethics” dan “the philosophy of individual selfishness.” (Ayn 1964 dalam Jacob 1989:380).

Meskipun dilabelkan sebagai masyarakat anarki namun sifat anarki terpancar dalam bentuk di mana tiada diantara ahli masyarakat berkuasa menentu atau menafikan hak seseorang untuk melakukan sesuatu yang tidak ingin dilakukan. Dalam masyarakat tanpa kelas tiada pemimpin yang benar-benar berkuasa. Setiap kampung mempunyai ketua, dilantik oleh kerajaan secara sah namun dia hanya berkuasa sekiranya ahli masyarakat bersetuju untuk diperintah (Geddes 1957b:21). Maknanya tiada kuasa mutlak serta kesahan sesuatu keputusan yang dibuat oleh seseorang pemimpin yang dilantik bergantung kepada persetujuan masyarakat. Masyarakat Bidayuh yang hidup dengan kongkongan persekitaran tradisi berserta dengan sistem ideologi serta tuntutan sosial semulajadi menyebabkan mereka bersedia menerima perubahan sekiranya ia dipercayai membawa kesejahteraan dalam hidup. Brockman dalam mengupas dilema ini mengatakan;

“In fact they are essentially practical people, living in the present, so there should be no intellectual obstacle to accepting a new religion if they can be convinced that it will deal with their problem better. They are likely to judge it by what it can give, or by what its followers can be seen to have obtained.” (Drake Brockman 1959:35).

Pernyataan di atas menunjukkan masyarakat Bidayuh bukanlah suatu bangsa yang wujud sepenuhnya dalam lingkungan kongkongan ideologi tradisi *konserveratif* seperti yang didakwa oleh penulis barat mengekang segala bentuk perubahan yang meresapi

amalan sosial masyarakatnya. Ideologi, struktur dan tuntutan sosial tradisi yang wujud bukanlah suatu mekanisme yang menjadikan masyarakatnya terpinggir menerima ideologi yang mencirikan nilai serta norma sosial dalam bentuk baru. Apa yang pasti identiti masyarakatnya jelas terpancar dan dicorakkan oleh zaman persengketaan serta persekitaran kehidupan tradisi silam yang tidak teratur kesan daripada tidak ada sistem pentadbiran cekap dan adil. Sebagai rumusan, pendapat Brockman di bawah mungkin tepat dalam memerihalkan identiti orang Bidayuh,

“For various reasons: because they have been oppressed by previous rulers, because they like living in rather inaccessible places and because they are essentially law-abiding people, the Land dayaks have been neglected and under-administered by government in the past. They have not had the attention that other races have had. This has led to a feeling of apathy and given them “an inferiority complex.” But when given the opportunity, they have no difficulty in holding their with other races of Sarawak. Easy to teach and willing to learn, lovers music, they have an infinite capacity for enjoying themselves. Not lazy, but not too energetic; always cheerful and easily provoked to mirth” (Brockman 1959:37).

Kehidupan tradisi menyaksikan corak dan struktur sosial masyarakat Bidayuh terbentuk dalam keadaannya yang kompleks dengan nilai tradisi tulen yang konservatif namun pragmatis sifatnya. Pragmatis kerana tidak selamanya statik dengan bentuk tradisinya sebaliknya berupaya mengadaptasi serta menyesuaikan sifatnya dengan nilai persekitaran yang melingkungi kewujudannya. Selain itu, pengaruh persekitaran memainkan peranan penting tidak hanya sebagai asas yang mencorakkan perlakuan sosial tetapi juga bertindak membentuk dan mencirikan struktur identiti sosial masyarakatnya. Di samping dalam masa yang sama menentukan corak serta sempadan wilayah petempatan

suku etnik orang Bidayuh. Ia pragmatis kerana bentuk nilai sosial yang lahir dalam kehidupan tradisi serta corak sempadan wilayah petempatan alam persekitaran dipadukan dalam nilai sosial yang dipraktik dan dipatuhi sebagai elemen kepercayaan alam kehidupan yang terpancar dalam *adat*.

iv) Hubungan dan Integrasi sosial

Dalam konteks kajian ini, hubungan serta interaksi sosial dikalangan masyarakat pribumi Sarawak perlu diteliti dari beberapa aspek untuk mendapatkan gambaran yang menyeluruh tentang integrasi sosial antara pelbagai etnik yang hidup dalam lingkungan persekitaran yang sama. Dalam hal ini, skop perbincangan ditumpukan ke atas hubungan serta interaksi sosial masyarakat Bidayuh tradisi dari era sebelum , semasa dan selepas pemerintahan dinasti Brooke dengan masyarakat lain dalam sempadan wilayah petempatannya. Ia penting kerana hubungan serta interaksi sosial merupakan mekanisme yang mencorak bentuk identiti sosio-budaya, ekonomi dan politik dalam lingkungan masyarakat '*pluralisme*' yang wujud disekelilingnya.

Dalam lingkungan wilayah petempatan orang Bidayuh terdapat empat kumpulan masyarakat utama yang mempunyai hubungan serta interaksi sosial dengan orang Iban, Melayu, Cina dan Eropah (para pegawai tadbir Rajah Brooke). Masyarakat ini pula wujud dalam lingkungan sempadan wilayah geografi yang unik yakni orang Cina dan Eropah adalah kolompok yang tinggal di bandar; orang Melayu adalah komuniti pinggir pantai; orang Iban adalah masyarakat yang mendiami kawasan tanah tinggi/lembangan sungai pedalaman. Walaupun wujud bentuk petempatan geografi begitu ini tidak bermakna tiadanya hubungan yang berlaku antara masyarakat Bidayuh dengan masyarakat seperti yang dinyata.

Secara tradisinya hubungan masyarakat ini telahpun wujud sejak dari abad ke-19 lagi namun hanya terhad ke atas aktiviti perdagangan yang berkONSEPkan 'Barter-Trade'

yakni dibataskan oleh sistem sosial tradisi yang berlandaskan peperangan (ngayu'u) antara etnik mempertahankan sempadan wilayah petempatan. Hubungan sosial dengan suku etnik Iban tidak harmonis akibat dihimpit memori tragedi ngeri silam yang menghantui masyarakatnya. Elam misalnya pernah menyebut;

“They are an indolent race, conservative, proud and dirty and in head hunting days an easy prey for any marauding Sea Dayak. Among themselves they had feuds, chiefly with their cousins from Dutch Borneo, head of the slain being taken and duly feasted” (Elam 1939:374)

Keadaan di atas menunjukkan hubungan harmoni memang tidak wujud antara masyarakat Bidayuh dengan masyarakat sekitarnya terutamanya dengan masyarakat Iban dalam era tradisi. Malah tidak keterlaluan dikatakan kepala yang bergantungan menghiasi ‘Ruai’ rumah panjang Iban adalah kepala orang Bidayuh yang diperolehi semasa zaman persengketaan tradisi. Seperti yang digambarkan oleh Criswell (1994:8) keadaan ini wujud kesan daripada manifestasi kehidupan tradisi orang Iban yang berlandaskan ideologi “Ngayau,” semangat Bejalai serta aktiviti pemburuan kepala kerana kepala memiliki nilai yang unik dalam amalan tradisi sosial. Selain masyarakat Iban interaksi orang Bidayuh juga nampak terhad dengan masyarakat Melayu yang pada waktu itu berselindung disebalik pemerintahan kesultanan Brunei yang mengusai serta mentadbir wilayah petempatan seluruh masyarakat pada waktu itu. Geddes dalam kajiannya ke atas orang Bidayuh pernah merakam dilema ini dengan menulis;

“the giants are enormous, but they are humiliated in a ridiculous way. Much more fun is had at the expense of the malays, a people upon whom the Land Dayaks depended for trade but who, as their political masters, often exploited them by power and witchcraft” (Geddes 1957b:5).

Orang Bidayuh menjadi sasaran hamba abdi untuk para pengiran kesultanan Brunei. Sejarah membuktikan tindakan pihak berkuasa atau pengiran kesultanan Brunei telah melantik malah menggalakkan orang Melayu dan juga Iban menangkap orang-orang Bidayuh terutamanya lelaki untuk dijual dan dijadikan hamba abdi kepada para saudagar kesultanan Brunei. Tidak dinafikan kesan interaksi ini telah membawa impak sosial dari aspek bahasa yakni gelaran kenamaan (seperti Datu dan Abang) yang digunakan oleh golongan bangsawan Melayu dipinjamkan semasa melakukan upacara ritual (Walker 1998:92; Sandin 1978:158). Terjemahan ini jelas dapat kita lihat melalui kalimat yang diucapkan menghalau roh jahat yang mengganggu individu atau masyarakat seluruhnya berbunyi;

“ Go down, all you Abang, all you Awang, all you pinggiran, Tuan Ulu! You many greedy demons, hungry demons, the disease of the fruits, the disease of the fish, the disease of the bees, the disease of the wild pigs. Come down together with us all! Come down to the big boat! If you wish to find pork, pork is there. If you wish to find fowl, fowl is there. Big sticks of pulit rice, small sticks of pulit rice, are all there. If anyone of you is blind, lead him down! If anyone of you is crippled, carry him down! If you refuse to go down, you will all die of panun ” (Geddes 1954:31)

Walaupun tidak dinafikan permusuhan berlaku antara mereka terutamanya dalam zaman pemburuan kepala namun sifat saling bergantungan wujud antara mereka. Pringle (1770:92) melihat pakatan Iban Skrang dan Saribas dengan orang Melayu bersatu menyerang bukan hanya orang Bidayuh tetapi juga orang Melanau, Balau, dan Sebuyau di Bahagian Pertama. Orang Iban memerlukan keperluan harian yang berupa ikan masin, tembakau, dan garam daripada orang Melayu untuk ditukar dengan beras (Pringle 1970:64). Perniagaan merkonsepkan sistem “barter” ini sedikit sebanyak melibatkan pengaruh politik yang dominan. Orang Melayu yang menjadi ketua di sesuatu kawasan akan menggunakan nama kesultanan Brunei mengutip cukai daripada orang Iban dan demi untuk mendapatkan

barang keperluan seperti garam dan ikan masin mereka perlu tunduk kepada ketua Melayu. Begitu juga orang Bidayuh interaksinya wujud dengan orang Melayu atas dasar yang sama.

Sementara interaksi dengan masyarakat Cina juga berlaku atas prinsip yang sama. Orang Bidayuh memerlukan orang cina untuk memperolehi pusaka yang melambangkan status sosial seperti manik-manik, gong, tajau, tembikar, meriam dan sebagainya melalui aktiviti sistem barter-trade. Fenomena yang sama juga berlaku dengan masyarakat Eropah di mana interaksi wujud demi untuk mendapat persekitaran hidup yang bebas serta tidak terkongkong oleh sistem kehidupan sosial yang di exploitasi masyarakat luar yang agresif terutamanya masyarakat Iban. Sistem pentadbiran yang teratur dan sistematik anjuran dinasti Rajah Brooke mewujudkan hubungan yang harmonis tanpa adanya konflik.

Secara ringkasnya hubungan serta interaksi sosial masyarakat Bidayuh dengan masyarakat pribumi atau pendatang mewujudkan kesan ke atas corak serta struktur sosial kehidupan nilai sosio-budaya, ekonomi dan politiknya dalam bentuk yang minimum. Oleh itu, dapat disimpulkan corak kehidupan masyarakat Bidayuh tradisi terbentuk dalam persekitaran integrasi serta interaksi sosial yang berkonflik dengan masyarakat sosialnya sendiri serta etnik pribumi lain demi mempertahankan kawasan petempatan. Di samping mengekalkan hak ke atas pemilikan tanah bagi aktiviti pertanian pindah yang menjadi asas rutin kehidupan tradisi sosial. Namun fenomena ini tidak lagi berlaku pada masa kini. Interaksi serta integrasi sosial orang Bidayuh dengan etnik lain menjadi lebih erat dan harmonis.

Struktur organisasi sosial

i) pengenalan

Struktur organisasi sosial orang Bidayuh dicirikan oleh dua faktor iaitu persekitaran fizikal dan hubungan sosial dalam wilayah petempatan. Struktur organisasi sosialnya terdiri daripada tiga elemen berikut;

- a) Rawang (unit asas keluarga sosial)
- b) Botang Romin (unit sosial peralihan)
- c) Rumpun Dialek (unit sosial mengikut sistem dialek)

Kewujudan struktur organisasi sosial ini sesungguhnya berdasarkan hubungan integrasi dan lokasi petempatan ahli masyarakat dalam suatu ruang di mana Romin atau sesebuah keluarga (Rawang) orang Bidayuh adalah sebahagian daripada entiti unit sosial masyarakat kampung atau Rumah Panjang. Manakala kampung pula adalah sebahagian daripada entiti unit sosial dalam sempadan wilayah petempatan rumpun atau suku dialek yang membentuk entiti unit sosial keseluruhannya. Oleh itu, setiap ahli masyarakat dari setiap perspektif sosial ini mempunyai hubungan atau portalian yang terikat oleh faktor geneologi, kepentingan ekonomi, praktik ritual, sosio-budaya dan pada era kehidupan masyarakat tradisi primitif ia dianggap sebagai suatu manifestasi terhadap nilai ‘status-quo’.

a) Rawang (unit asas sosial)

Romin atau Bori mengikut dialek suku Biatah atau Bau dalam masyarakat Bidayuh boleh didefinisikan sebagai satu ruang atau bahagian yang didiami atau dimiliki oleh sesebuah keluarga atau individu dalam Kupuo (kampung) atau Rumah Panjang. Konsepnya hampir sama dengan konsep *Bilik* dalam masyarakat Iban yakni bukan setakat sebuah ruang yang didiami memisahkan satu keluarga dengan satu keluarga lain dalam kampung itu sendiri tetapi juga membentuk asas unit keluarga sosial yang mempunyai hak yang sama rata dan sah ke atas kepentingan institusi sosialnya.

Pada amnya kesatuan unit asas keluarga sosial ini biasanya mencakupi tiga tahap generasi iaitu datuk-nenek, ibu-bapa dan anak yang mempunyai hak yang sah serta layak mendapat status-quo mendiami Romin. Menurut Geddes dalam masyarakat Bidayuh wujudnya hubungan keluarga bersifat '*utrolateral*' yakni sistem perkahwinan '*virilocal*' atau '*uxorilocal*' membentuk satu himpunan peraturan sosial yang ditaati oleh setiap ahli masyarakat. Manakala masyarakatnya wujud dalam bentuk '*bilateral*' tetapi setiap penghuni Romin mempunyai status-quo. Ini bermakna dari aspek sosial dan ekonomi penghuni Romin mempunyai hak yang sah untuk menyimpan dan memelihara segala harta pusaka yang menjadi warisan keluarga. Harta pusaka seperti tanah, tajaw, gong, canang, meriam, tali pinggang perak, alat tembaga (karas dan manik-manik), alat untuk kegunaan ritual dan lain-lain tidak hanya bersifat harta peribadi tetapi ia juga membawa nilai status serta prestij dalam keluarga.

Selain itu, masyarakat tradisi percaya dengan memiliki atau menyimpan pusaka sebagai simbol status dan prestij keluarga tetapi juga terselit makna spiritual yang meresap dalam diri individu atau seisi keluarga (diwarisi atau diperturunkan oleh Tuhan, roh atau semangat dalam keadaan tertentu) melalui pantang larang upacara ritual yang dipraktikkan. Dalam keadaan tertentu fungsi serta operasinya juga dilihat sebagai pengantara kepada Roh atau kuasa jahat di setiap pelosok benua dengan mengadakan upacara ritual menurut kesesuaian serta ketentuan yang ditetapkan. Walau bagaimanapun, konsep prestij yang diletakkan atas pemilikan harta pusaka bukan manifestasi mutlak yang menggambarkan nilai sosial masyarakatnya. Geddes dalam kajiannya menulis;

"In this egalitarian society where there are no true distinctions of rank, it cannot be said that the so-called "prestige property" confers any definite status of which it is the symbol. Indeed, if prestige is taken as implying on its reverse side a feeling of inferiority on the part of those who have it not, then it is doubtful even if it gives much prestige, at least on any simple human scale. The concept of the value of such property is more vague, and, if it is expressed at all, it is not usually in terms of any human acknowledgement which is evokes but of the prestige, and hence the security, which it earns for its household in the mind of the ancestors and spirit" (Geddes 1954:86).

Jelas bahawa harta pusaka membawa implikasi unik ke atas kesatuan sosial yakni setiap ahli keluarga terikat dengan nilai kepercayaan dan pantang-larang sosial yang wujud dalam diri (diwarisi atau diperturunkan dalam bentuk ritual oleh tuhan, roh atau individu dalam keadaan tertentu) seseorang individu atau masyarakatnya. Kerana sifatnya yang dianggap sah serta praktikal ia menjadi warisan yang diperturunkan dari satu generasi ke satu generasi. Struktur sosial ini kekal dan dipertahankan sebagai lambang atau simbol kehidupan tradisi masyarakat yang diamalkan secara berterusan.

Dalam pada itu, corak kehidupan tradisi yang sarat dengan nilai kepercayaan 'religio-magis' seperti percaya wujudnya makhluk halus, hantu, roh, praktik ritual dan sebagainya menjadikan realiti kehidupan sosial penuh dengan nilai sakral. Mentaati pantang-larang ini jelas dapat diperhatikan dalam upacara mengubati seseorang yang sakit yang dilakukan oleh *Tua gawai* atau '*Pinguri*' yang menetapkan beberapa syarat pantang-larang yang harus diikuti oleh si pesakit. Biasanya syarat pantang larang ini akan mencakupi aspek pemakanan, masuk hutan, mengerjakan huma, keluar rumah dan sebagainya dalam tempoh waktu yang telah ditetapkan. Berdasarkan hukum spiritual ini, seseorang individu yang keturunannya tidak boleh melakukan sesuatu perkara yang dianggap pantang seperti mengukir lesong padi, menganyam tikar (kasah) jemuran padi, atau memakan daging rusa, ular, labi-labi dan sebagainya jika tidak diikuti nescaya akan mengundang padah seperti terkena badi.

Hukum spiritual juga mempunyai pengaruh yang kuat ke atas amalan budaya, alat musik dan tarian yang mana secara tradisi mempunyai hubungan terus dengan kegiatan ekonomi. Hubungan ini dijelaskan melalui upacara spiritual seperti dalam Gawai Namui, Gawai Jaran Kinyang, Gawai Pingawah, Gawai Juman Buan, Gawai Ngirangan, Gawai Papau, Gawai Sepa'an, Gawai Sitepi'an, Gawai Mantung, Gawai Breyag, Gawai Uncalan, Gawai Birantu, Gawai Biranyam, Gawai Nibak, Gawai Bari/Tabur/Nginyan Prangka, Gawai Umparing Sawa, Gawai sawa Bauh/Gawai Dayak, dan sebagainya lagi adalah manifestasi daripada sosio-budaya ekonomi yang dipraktikkan. Upacara spiritual atau praktik kepercayaan agama seperti yang dinyatakan di atas menjelaskan suatu bentuk peraturan sosial yang menentukan tatacara perlakuan dan bertindak bagi setiap ahli masyarakatnya yang berlandaskan hukum pantang larang yang ditetapkan.

Konsep Romin/bori sebagai asas unit sosial telah mewujudkan suatu bentuk kerangka sosial yang diterima-pakai oleh setiap ahlinya iaitu berdasarkan kepada unsur ‘religio-magis’ yang percaya kepada hukum supernatural dan spiritual. Oleh itu, struktur sosial dalam sesebuah unit sosial dalam Rumah Panjang atau kampung bukan setakat menjurus kepada status keahlian dalam masyarakat secara umum tetapi juga lebih kepada hubungan kekerabatan (kindred). Ini adalah asas bagaimana adat dalam operasi serta fungsinya memainkan peranan mencorakkan kerangka sosial menjadikan ia terus wujud dengan sifat dan cirinya yang tersedia wujud selari dengan perubahan alam persekitaran sosial semasa. Justeru dalam masyarakat kontemporari misalnya status keahlian dalam asas unit sosial (romin) tidak akan luput walaupun seseorang individu berhijrah atau menetap di tempat lain namun tetap akan kembali menziarahi Romin dalam keadaan atau aktiviti tertentu untuk mengesahkan status dan hak dalam mengekalkan hubungan dengan unit sosial asas (keluarga) dan penghuni Rumah panjang keseluruhannya.

Fenomena ini jelas menggambarkan betapa adat walaupun dalam konteks semasa berperanan menentukan status-quo individu dalam struktur sosial masyarakatnya. Bagi orang Bidayuh asas unit sosial bukan sekadar ‘*prima-cousa*’ yang menentukan status-quo atau ‘*liabiliti*’ individu tetapi juga menetapkan peranan dan tanggungjawab setiap ahlinya berdasarkan kredibiliti sosialnya yang dituntut menurut konsep adat. Oleh itu, menurut prinsipnya dalam sesebuah asas unit sosial biasanya diketuai oleh seorang lelaki yang akan memikul tanggungjawab menjaga atau melindungi hak serta kebijakan setiap ahli keluarganya. Selain itu, dia juga adalah individu yang mempunyai kuasa mutlak dalam menentukan tatacara perlakuan sosial setiap ahli keluarga yakni kepentingan hak kekal wujud dalam bentuknya yang berlandaskan konsep adat. Mempunyai karisma sebagai ketua

keluarga adalah syarat penting kerana kepercayaan orang Bidayuh sifat ini adalah warisan yang didukung dari satu generasi ke satu generasi, dan itulah sebabnya keaiban yang melanda atas unit sosial yang melibatkan soal maruah dan reputasi dipercayai akibat salahlaku penghuninya pada masa lampau.

Mengikut tradisi apabila seseorang individu didakwa telah melakukan kesalahan dan didapati bersalah, ia biasanya tidak dikenakan denda atau bayaran gantirugi yang diluar kemampuan keluarga secara serta-merta. Rasionalnya dalam hal ini orang Bidayuh menganggap sesbuah keluarga berperanan sebagai induk yang bersifat kolektif yakni tenaga kerja dikerah bersama untuk memperoleh keuntungan untuk kebajikan bersama. Melanggar prinsip ini, denda ritual yang bukan hanya berbentuk denda yang melibatkan ganti rugi berbentuk wang ringgit tetapi juga denda ritual sifatnya iaitu *prosis*. Posisis ialah bayaran gantirugi yang berupa barangan seperti pinggan-mangkuk, telur, beras-kunyit, perkakas ritual, dan sebagainya yang dituntut daripada keluarga terbabit. Barangan ini biasanya bukan milik individu tertentu tetapi menjadi milik atas unit sosial secara kolektif justeru dikongsi bersama semasa upacara ritual dilakukan.

Kesimpulannya atas unit sosial dalam kehidupan masyarakat tradisi mendukung makna atau prinsip dualisme yakni dari aspek fizikal atas unit sosial dilihat sebagai kerangka pembentukan Rumah Panjang atau kampung. Dari segi ritual pula ia membentuk entiti yang terpisah dan dari segi ekonomi ia adalah entiti yang bersatu. Namun dari aspek sosiologinya ia adalah satu unit keluarga kecil yang membentuk purata ahlinya yang tidak lebih daripada lima orang. Setiap ahli atau individu hanya mempunyai hak dalam satu atas unit sosial yang mana ia menjadi nadi penting dalam kehidupan masyarakat Bidayuh tradisi.

b) Botang Romin (unit sosial peralihan)

Botang romin atau rumah panjang orang Bidayuh bukanlah rumah panjang dalam makna yang tepat tetapi hanya kelihatan rumah panjang dari segi strukturnya. Dalam realiti ia adalah struktur yang wujud daripada gabungan sejumlah unit sosial asas yang bersatu di dalam satu struktur organisasi sosial masyarakat di mana setiap ahli terikat dengan nilai atas dasar ia adalah entiti milik bersama. Bentuk strukturnya biasanya mengandungi secara purata asas unit sosial lebih lima puluh buah unit sosial (Rawang) dan ia pula bergantung kepada pengaruh topografi lokasi petempatan yang terletak dikawasan tanah tinggi pedalaman.

Fenomena ini mempunyai rasionalnya tersendiri yakni atas dasar mempertahankan diri dari kekejaman era pemburuan kepala serta persengketaan etnik ketika itu. Dalam era tradisi struktur (Botang romin) diperbuat daripada kayu dan buluh secara betingkat-tingkat dan mempunyai ketinggian 30-40 kaki dari aras tanah. Sementara strukturnya pula terbahagi kepada beberapa bahagian iaitu *Awah, Aron, Tonyu, Simutoub, Bak Simutoub, Bak Kaos, akat dan rongah*. Malcolm MacDonald melihat ia sebagai;

"Some (botang romin) were erected on such steep slopes that, although the inner end of the house stood on piles jutting two or three feet from the ground, the outer end was skied thirty or forty feet in the air and supported on tall stilts like scaffolding" (1956:55).

Sistem sosial yang bersifat kesatuan dan komunalisme adalah bukti yang menunjukkan kehidupan budaya tradisi mampu bertahan dan beradaptasi dengan alam persekitarannya. Dari aspek sosial dan ekonomi masyarakatnya tidak terikat oleh nilai

komunisme dan sifat socialnya yang *autonomous* menyebabkan ia lebih berlandaskan kepada orientasi persaingan sesama unit sosial dalam komuniti Kupuo (botang Romin). Oleh itu, dalam Botang Romin ciri setiap unit sosial mempunyai *status-quo* dan diikat oleh hubungan kekeluargaan dan kepentingan bersama setiap ahli masyarakatnya.

Sesungguhnya masyarakat mempunyai naluri untuk terus hidup bersama dengan warga lain dan kesedaran ini didukung oleh tanggapan setiap individu untuk menyelaraskan kepentingan bersama. Fahaman ini terjalin oleh alam pemikiran religio-magis yang menganggap bahawa setiap individu mempunyai nilai serta hak hidup yang sama dalam lingkungan sosial masyarakatnya. Walau bagaimanapun *status-quo* yang dimiliki bukan syarat mutlak kebebasan seseorang individu atau penghuni kupuo untuk bertindak kerana segala perlakuan dan amalan sosialnya terikat dengan Adat. Hukum sosial ini harus dipatuhi oleh setiap ahli masyarakat Kupuo supaya kehidupan kekal dalam keadaan ‘state of balance’ dari aspek fizikal mahupun ritual.

Dalam pada itu, penyatuan ahli masyarakat secara ritual tidak meliputi aspek hidup secara menyeluruh kerana dari aspek ekonomi penghuni Botang Romin tidak memiliki harta pusaka atau tanah secara kolektif atau perkongsian bersama. Sistem ekonomi yang wujud lebih tertumpu kepada sistem ekonomi individu unit sosial ahli masyarakatnya. Walaupun ini berlaku tetapi kehidupan masyarakat Botang romin wujud sebagai unit sosial yang harmonis. Fenomena ini boleh dilihat dengan merujuk petikan berikut;

“ In the longhouse people are together. They are very close neighbourhood, always on one another's doorsteps, constantly mingling by chance , finding it simple to meet one another, or join all together, purposely. They need not be

formally organized community because they are community by situation-a crowd united by common interests, by belief in a common fate, by mutual need, and by many diverse ties of blood and friendship and debt and credit" (Geddes 1954:32).

Organisasi sosial seperti di atas adalah fenomena biasa dalam amalan sosial masyarakat Bidayuh tradisi kerana nilai serta struktur sosialnya dibentuk oleh situasi persekitarannya. Mendirikan rumah panjang baru atau migrasi individu atau unit sosial ke sesebuah rumah panjang lain adalah fenomena biasa atas sebab perluasan wilayah, ekonomi, konflik sosial, atau desakan ritual demi mengekalkan keharmonian dalam masyarakat. Perbezaan sistem nilai serta organisasi sosial yang didukung dalam satu ruang sempadan wilayah tidak terpisah oleh suatu pegangan ideologi yakni adat berfungsi mengekalkan keharmonian seluruh ahli masyarakat.

Kehidupan tradisi Botang romin adalah unit sosial yang berdaulat dan wujud secara kolektif di samping berfungsi sebagai suatu entiti atau badan perundangan yang sah. Keadaan ini bertolak daripada konsep adat bahawa (botang romin) memiliki status ritual yang berasaskan kepada kebenaran alam realiti spiritual. Oleh itu, setiap Botang Romin mesti diketuai oleh Tua kaum yang mempunyai kebolehan bukan sekadar memimpin seluruh ahli masyarakat sebaliknya harus mempunyai karisma mendukung adat. Institusi tua kaum biasanya tidak wujud dalam bentuk yang formal dan pelantikan ke jawatan tersebut bergantung kepada persetujuan setiap ahli masyarakat yakni tidak sesuatu yang diwarisi turun-temuru. Manakala bidang kuasanya bukanlah sesuatu yang mutlak tetapi banyak bergantung kepada pendapat serta permuafakatan anak-anak buahnya. Begitu juga dengan penghormatan yang diberikan bergantung kepada persepsi individu yang mana beliau tidak mempunyai pengaruh dari segi kuasa menentukan statusnya dalam

masyarakat. Walau bagaimanapun, dia boleh mendapatkan penghormatan atau status daripada anak buahnya dengan menonjolkan daya kepimpinan dalam menyelesaikan sesuatu hal yang melanda institusi sosial yang diketuainya. Dalam masa yang sama, dia bertindak mengambil alih tugas tua gawai dalam mengendalikan upacara ritual atau berkuasa menyelesaikan masalah yang berlaku sesama ahli masyarakat demi mengekalkan kestabilan komuniti Botang Romin.

Corak kehidupan yang terbentuk daripada sistem komunal yang diamalkan boleh dinalai dalam dua situasi: Dalam kehidupan masyarakat orang Bidayuh seseorang individu terikat dengan nilai dan adat yang diterima-pakai serta dipatuhi oleh setiap ahli Botang Romin. Justeru itu, setiap individu tertakhluk kepada pelbagai kontrak sosial melalui interaksi serta integrasi yang berlaku sesama penghuni yang mana seterusnya mewujudkan situasi kehidupan Botang Romin yang ditentukan oleh adat. Selain itu, dalam kehidupan mereka tidak menonjolkan keutuhan semangat moral dalam kehidupan diri individu kerana dalam kehidupan masyarakat tradisi Botang Romin tidak wujudnya jurang antara kepentingan individu (unit sosial) dengan kehidupan bermasyarakat Botang Romin.

Semua masalah yang dihadapi sama ada ia berbentuk individu atau masyarakat secara menyeluruh dianggap sebagai masalah bersama dan dipikul setiap ahli masyarakat. Ia diterima atas dasar keperluan atau kemestian yang dipatuhi berdasarkan adat untuk mengekalkan keharmanian sosial dalam keadaan fizikal atau spiritual. Ini disebabkan perlakuan seseorang individu wujud dalam kebebasan persekitaran yang dipengaruhi oleh kehidupan sosial yang menekankan kepentingan bersama. Senario ini menjadikan kehidupan masyarakat Botang Romin Bidayuh tradisi menjadi asas penting yang

mencirikan sistem sosial atau dalam makna yang lebih spesifik menjadi *microscom* masyarakat menyeluruh. Dari itu, dapat disimpulkan bahawa nilai dan falsafah kehidupan masyarakat Bidayuh tradisi dicorak serta dicirikan oleh sistem kehidupan Botang Romin. Maknanya kehidupan tanpa Botang romin ibarat kehidupan tanpa tradisi dan budaya. Justeru itu, kawalan sosial yang efektif ke atas pemupukan system sosial masyarakat tradisi tertakhluh oleh suatu bentuk nilai yang terbit atas ketentuan adat. Nilai atau dogma yang diamalkan tidak menunjukkan perbezaan jika dibandingkan dengan masyarakat Iban seperti yang digambarkan oleh Sather dalam bukunya *Introduction 'Iban adat and augury'* oleh Sandin 1980, antara lain mengatakan;

"At the heart of the traditional social system was, and still remains, the longhouse community. Here the individualism highly valued by the Iban is tempered by mutual economic and ritual interdependencies buttressed by a complex code of social rules, or adat. To the Iban the term adat covers all of the various customary norms, jural rules, ritual interdictions and injunctions that guide an individual's conduct, and the sanctions and form of redress by which these norms and rules are upheld" (Sather 1980:xi).

c) Rumpun dialek (mengikut sistem dialek unit sosial)

Dalam konteks rumpun dialek bentuk system sosial masyarakat Rumah panjang terjalin oleh sistem petempatan yang berdasarkan aliran batang sungai atau daerah yang berintegrasi secara kolektif. Kedaan ini berlaku disebabkan oleh beberapa faktor berikut. Dalam realiti kehidupan orang Bidayuh tradisi struktur sosialnya terbentuk daripada kesatuan entiti suku etnik kecil dengan dialek dan adat yang berbeza. Hal demikian menyebabkan sesebuah suku etnik pada umumnya akan mengidentitikan diri berdasarkan nama sebuah sungai yang mengalir melalui daerah petempatan atau dengan nama daerah asal. Pengelompokan sistem sosial seperti ini memberikan identiti etnik yang pelbagai dan terpecah menjadi kumpulan etnik yang lebih kecil lagi.

Pada hakikatnya struktur sosial kehidupan tradisi botang romin merupakan entiti yang terikat oleh sentimen wilayah dan terbentuk berdasarkan faktor geneologi. Individu atau masyarakat yang mendiami sebuah botang Romin memiliki kuasa wilayah tertentu dan tidak terikat dengan kelompok lain. Manakala adat pula menjadi hukum atau himpunan peraturan yang menentukan tatacara perlakuan seluruh ahli masyarakat dalam mengekalkan keutuhan Botang Romin yang menjadi lambang sosio-budaya memelihara struktur sosial kehidupan tradisi yang berorientasikan adat. Selain itu, konsep keluarga bagi orang Bidayuh adalah sebuah keluarga yang terbentuk dalam strukturnya yang luas yakni terjalin dalam lingkungan sempadan sosial persekitarannya. Struktur sosialnya yang kompleks ini bertindak sebagai proses pengikat sentimen kekerabatan sesama etnik di dalam satu wilayah yang mana setiap ahli merasakan dirinya sebagai satu kerabat. Jelas kesatuan

sosial orang Bidayuh terbentuk oleh sentimen “manak”(kekerabatan) iaitu suatu bentuk pertalian yang diikat oleh faktor geneologi.

Dalam pada itu, corak ekonomi tradisi yang mengamalkan sistem pertanian pindah menjadi asas wujudnya sempadan wilayah petempatan di dalam daerah adat. Oleh demikian sempadan wilayah petempatan atau wilayah genealogi adalah kesatuan sosial politik yang mencirikan kesatuan integrasi sosial masyarakat. Pemilikan tanah bukan sekadar pusaka atau aset ekonomi tetapi juga membawa makna spiritual (magis) dalam kehidupan yang menyangkut maruah dan status peribadi. Sistem pemilikan tanah bagi orang Bidayuh adalah pusaka yang diwarisi dari nenek moyang yang dipanggil oleh Geddes sebagai ‘Turun’ atau ‘descent groups’. Konsep turun dalam amalan orang Bidayuh diuraikan oleh Geddes seperti berikut;

[Turun] are group of people linked together by sharing rights in particular areas and they have no reality apart from those areas. This very fact makes them of little value as a basis for the organisation of other social relationships of a more permanent order, for particular set of persons with whom any man is associated differ according to the particular piece of and in which he is interested at any moment (Geddes 1954:59).

Pernyataan Geddes ini tepat kerana semangat adat mengesahkan pada awal mula pemilikan tanah individu tertakhluk dan ditentukan oleh realiti aktiviti ekonomi yang dilakukan di atasnya. Dari aspek sempadan dialek wilayah masyarakat setiap ahli merasakan yang mereka adalah penguasa serta pemilik sesebuah wilayah petempatan yang diakui dan diterima bersama secara adat. Ini kerana orang Bidayuh wujud sebagai kelompok yang bersatu dari kesatuan sosial yang kecil dan secara adat memiliki status-quo politik. Dalam istilah politik ia juga boleh disebut daerah adat. Oleh itu, dalam wilayah

sempadan dialek masyarakat adanya ikatan pertalian suku dari keturunan yang sama maka dengan itu lahirnya semangat ‘*geneologism*’ yang mengekalkan hubungan kekerabatan yang mengukuhkan asas keberadaan system sosial dalam sempadan wilayah dialek petempatan.

Kesan ikatan semangat kekerabatan (*geneologism*) dalam struktur sosial membawa kepada suatu bentuk struktur politik yang bersifat ‘*natural democrats*’. Ini disebabkan dalam hairaki kerangka institusi politik masyarakat “egalitarian” dan tanpa kelas seperti tidak ada mekanisme sosial yang berfungsi menentu dan mengawal tingkahlaku sosial dalam setiap peringkat kehidupan masyarakat yang tidak tersusun atau sistematik. Ini tidak bermakna institusi politik orang Bidayuh terikat olehkekangan sistem nilai atau status sosial yang tidak diwakili oleh individu atau pemimpin yang berkarisma. Struktur institusi politik yang tidak tersusun dan sistematik memberi ruang kepada individu tertentu menonjolkan imej dan reputasi seterusnya memperoleh prestij yakni disegani serta dihormati dan diterima sebagai ketua di kalangan ahli masyarakatnya.

Dalam sistem hairaki struktur politik orang Bidayuh ketua biasanya dipilih berdasarkan syarat seperti mengetahui dan memahami adat, petah berbicara, tegas serta berlaku adil dalam mengendalikan perselisihan faham yang berlaku dalam masyarakatnya. Masyarakatnya yang ‘homogenous’ dari segi budaya dan sosial terbentuk oleh ikatan hubungan kekerabatan (kinship) yang kompleks yang ditentukan oleh adat yakni suatu himpunan undang-undang moral, kod etika dan nilai membentuk konsep ‘Yin-Yang’ yang berpadu. Walaupun ia bukan suatu bentuk undang-undang konvensional tetapi berkesan dalam menentu serta mengawal tingkahlaku individu serta seluruh ahli masyarakat.

Dalam konteks sempadan wilayah dialek petempatan, hubungan dan ikatan kekerabatan (geneologism) tidak akan munculnya konflik perlantikan seseorang ketua kerana perlantikannya biasanya dipilih daripada kelompok etnik dialek atau kerabat yang sama. Namun begitu, bidang kuasa dan pengaruhnya hanya terbatas ke atas kelompok etnik yang terdiri daripada beberapa buah Botang Romin yang terletak dalam kawasan daerah atau aliran sungai di sesuatu kawasan. Dapat disimpulkan system sosialnya yang bersifat egalitarian dan '*natural democrat*' membentuk hairaki struktur institusi politik tanpa kelas menjadi elemen yang efektif membentuk sistem sosial ditambah lagi dengan hubungan kekerabatan amat kukuh membentuk semangat '*etnosentrism*' iaitu melaluianya adat kekal wujud dalam amalan dan praktis seluruh ahli masyarakat.